



RUKHSAH PESAKIT : TATACARA IBADAH SOLAT PESAKIT

BERSAMA
AHMAD MARZUK SHAARY
PENOLONG PENGARAH KANAN
HAL EHWAL AGAMA ISLAM HUSM

Definisi Rukhsah

- *Dari sudut bahasa:* mempermudah
- *Dari sudut istilah :* suatu hukum yang thabit dalam keadaan yang bercanggah dengan dalil asli kerana terdapat keuzuran.

DALIL – DALIL YANG MENSYARIATKAN RUKHSAH

1) Firman Allah:

↑ يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر ↓

Terjemahan : *Allah inginkan kemudahan kepada kamu dengan tidak menginginkan kesusahan kepada kamu (Al Baqarah:185)*

- Firman Allah:

↑ لا يكلف الله نفسا الا وسعها ↓

Terjemahan : *Allah tidak akan membebankan seseorang melainkan apa yang dia mampu (Al Baqarah: 286)*

- Firman Allah:

↑ وما جعل عليكم في الدين من حرج ↓

Terjemahan : *Dan Allah tidak menjadikan di dalam agama sebarang daripada bebanan*

(Al Hai: 78)

2) Dalil Hadith :

أحب الدين إلى الله الحنيفية السمحة

Terjemahan : *Agama yang paling disukai oleh Allah adalah agama yang bertoleransi*

Yang dimaksudkan dengan mudah ialah amalan yang tidak memenatkan diri yang mampu ditanggung secara pandangan adat.

KEPERLUAN KEPADA RUKHSAH

Al Imam Yusof Al Qaradhawi menyebutkan di dalam kitabnya 'Fiqh Aulawiyyat'
Utamakan mudah dalam bidang fatwa

Firman Allah Taala :

يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر

Terjemahan : *Allah inginkan kemudahan kepada kamu dengan tidak menginginkan kesusahan kepada kamu (Al Baqarah:185)*

Firman Allah Taala :

↓ يريد الله أن يخفف عنكم وخلق الإنسان ضعيفا

Terjemahan : *Allah inginkan kemudahan kepada kamu, dan manusia itu dicipta dalam keadaan yang lemah. (An-Nisa': 28)*

Sambungan ...

Dalil Daripada Hadith:

خير دينكم ايسره

Terjemahan : *Sebaik-baik agama kamu adalah yang paling mudah.*

Berkata Saidatina Aisyah:

ما خير رسول الله صلى الله عليه وسلم بين امرين الا اخذ ايسرهما ما لم يكن اثما
فاذا كان اثما كان ابعده الناس عنه

Terjemahan : *Tidaklah Rasulullah r diberi pilihan di antara dua perkara melainkan baginda mengambil yang paling mudah selama mana tidak ada dosa tetapi apabila di dalam perkara dosa, Baginda adalah orang yang paling menjauhinya.*

Mengambil rukhsah dan mengambil pendapat mudah lebih dituntut kepada orang yang sakit orang tua, orang-orang yang baru masuk Islam dan seumpama dengannya.

KONSEP IBADAH DI DALAM ISLAM

1. Ibadah adalah satu pertalian hubungan kita dengan Allah Taala.
2. Ibadah memberi pengertian ketaatan dan cinta kepada Allah Taala tunduk dan patuh kepadaNya.
3. Konsep atau asas ibadah ialah mudah dan tiada keberatan. -Yusof Al Qaradhawi di dalam kitabnya "*Ibadah Dalam Islam*"

Allah Taala berfirman di akhir ayat bersuci dalam Surah Al Maidah, ayat 6:

ما يريد الله ليجعل عليكم في الدين من حرج

Terjemahan : *Tidaklah Allah ingin menjadikan sebarang kesusahan ke atas kamu.*

Samb...

Pada penghujung ayat puasa, Allah berfirman:

يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر

Terjemahan : *Allah inginkan kemudahan kepada kamu dan tidak menginginkan kesusahan kepada kamu (Al Baqarah:185)*

Al Quran dan hadis-hadis Nabi SAW menunjukkan kepada kita bahawa syariah Islam terbina di atas perkara yang mudah khususnya Ibadah

KONSEP MENOLAK PEMBERATAN

Imam Syatibi di dalam kitabnya Al Muwafaqat :-

Pertama : Bimbang daripada berlaku ketidak terusan dalam gerak kerja ibadah dan perasaan tidak suka kepada ibadah kerana takut seseorang terhadap kerosakan jasad, akal, harta atau keadaan dirinya.

Kedua : Khuatir berlaku kecuaiian dalam melakukan ibadah-ibadah asas dalam agama.

*** SAKIT ADALAH SEBAB KEPADA PENGAMBILAN RUKHSAH

CONTOH RUKHSAH DALAM IBADAH OLEH PESAKIT

- Tayammum kerana takut berlaku bahaya ke atas anggota badannya.
- Dia dibolehkan sembahyang duduk ketika sakit atau baring atau memberi isyarat sekadar mana yang dia mampu.
- Dia boleh meninggalkan solat berjemaah.

Samb...

- Dia boleh melakukan solat jamak dan samada taqdim ataupun ta'khir.
- Orang yang sakit boleh berbuka puasa.
- Ibnu Taimiyah membolehkan penggunaan ubat untuk tujuan buasir di mana ubat yang diletakkan di dalam duburnya dan ia tidak membatalkan puasa.
- * tidak batal puasa bagi orang yang menggunakan *inhaler* (pam) bagi orang yang berpenyakit asma.

Jamak Solat

JAMAK SUURI **صوري**

Sabda Rasulullah SAW kepada Hamnah binti Jahsyin ketika dia meminta fatwa mengenai mustahadhah:

Kalau kamu kuat untuk menta'khirkan Zohor dan mempercepatkan Asar, maka kamu mandi kemudian solat Zohor dan Asar sekaligus. Kemudian kamu menta'khirkan Maghrib dan mempercepatkan Isyak, kemudian kamu mandi dan menjamakkan antara dua solat. Maka kerjakanlah. (HR Ahmad, Abu Daud dan Tirmidzi)

Ulama hanbali - mengqiaskan mustahadhah dengan kesukaran-kesukaran lain seperti dalam keadaan sakit.

Imam Malik – boleh jamak bukan kerana musafir, iaitu kerana keuzuran @ sakit (al-Fiqh Islami wa Adillatuh, Dr. Wahbah al-Zuhaili, Jil. 2). dalil lain jamak ketika sakit :-

Samb...

Jamak

Imam Malik membenarkan jamak bukan kerana musafir, iaitu kerana keuzuran sakit (al-Fiqh Islami wa Adillatuh, Dr. Wahbah al-Zuhaili, Jil. 2). Antara dalil lain yang membolehkan solat jamak ketika sakit ialah:

Hadith daripada Atha, Sabda Rasulullah SAW:

"Seseorang yang sakit boleh menjamakkan solat antara Maghrib dan Isyak kerana ini termasuk kemudahan" (Sahih al-Bukhari)

Hadith daripada Ibn Abbas r.a:

"Rasulullah SAW telah bersembahyang dengan menggabungkan Zohor dan Asar, Maghrib dan Isyak bukan kerana dalam ketakutan atau musafir" (Sahih Muslim).

PERANAN DAN FAEDAH DARIPADA PENGAMBILAN RUKHSAH TERHADAP PESAKIT

1. Para pesakit akan merasakan syariat Islam ini amat prihatin terhadap golongan yang lemah.
2. Wudhuk pesakit yang dibalut anggota wudhuk –apabila fatwa menyatakan hanya perlu menyapu air di atas balutan tersebut tanpa perlu bertayamum dan mengada' kembali solat. Ini akan menambahkan lagi semangat untuk dia bersolat.
3. Apabila dibolehkan mengambil pendapat yang ringan dalam keadaan hajat atau darurat seperti dalam keadaan sakit maka tiada lagi alasan untuk para pesakit meninggalkan solat.
4. Para pesakit akan menunaikan ibadah menggunakan pendapat mudah akan tenang jiwanya tanpa ada sebarang keraguan dalam mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.

Panduan Bersuci Bagi Orang Sakit

1. Orang sakit wajib bersuci menggunakan air. Dia wajib berwudhu dan mandi junub menggunakan air.
2. Jika tidak mampu bersuci menggunakan air di sebabkan lemah, bimbang menambahkan sakit atau melambatkan proses penyembuhan, dia bolehlah bertayammum.
3. Jika tidak mampu menyucikan dirinya, orang lain boleh menyucikan atau bertayammum untuknya.

Samb...

4. Jika sebahagian anggota wudhu termasuk anggota lain sakit, dia hendaklah berusaha membasuh dengan air. Jika tidak boleh membasuh dengan air, sapulah sekali menggunakan air secepat lalu. Jika tidak mampu juga, bertayammumlah .
5. Jika anggota wudhu patah teruk, terbakar dan sebagainya, dia boleh menyapu menggunakan air sebagai ganti kepada basuhan dan tidak perlu bertayammum kerana sapuan sudah menggantikan basuhan.

Samb...

6. Sekiranya pesakit tidak boleh menggunakan atau terkena air (di sebabkan darurat yang menghalang), maka di bolehkan ke atasnya bertayammum.
7. Wajib orang yang sakit menyucikan badannya daripada najis (sama ada dengan cara berwudhu atau bertayammum). Jika tidak mampu, dia boleh solat dalam apa jua keadaan dan solatnya tetap sah dan tidak perlu mengulanginya.
8. Wajib orang yang sakit mengerjakan solat menggunakan pakaian yang bersih. Jika pakaiannya terkena najis, dia wajib membasuhnya atau menukarkannya dengan pakaian lain yang suci. Jika tidak mampu, dia boleh solat dalam apa jua keadaan. Solatnya tetap sah dan tidak perlu mengulanginya.

Samb...

9. Wajib orang yang sakit mengerjakan solat di atas tempat yang bersih. Jika tempat itu terkena najis, dia wajib membasuhnya atau mengalihkan kedudukannya ke tempat yang suci. Jika tidak mampu, dia boleh solat dalam apa jua keadaan. Solatnya tetap sah dan tidak perlu dia mengulangnya.
10. Orang yang sakit tidak boleh melewatkan solat dari waktunya hanya di sebabkan keuzuran tidak mampu bersuci sama ada berwudhu atau bertayammum. Dia boleh bersuci menurut kemampuannya ketika itu. Kemudian dia hendaklah melakukan solat tepat pada waktunya walaupun badan, pakaian atau tempat terkena najis di sebabkan dia tidak mampu mengelaknya.

(Rujuk Majmu' Fatawa wa Rasa'il, Syeikh Muhammad Soleh al-Uthaimin, jil 11, m/s 154-156 dan Risalah Ahkam Solat al-Maridh wa Toharatuhu. Syeikh Abdul Aziz bin Baaz, m/s 4-11)

Solat Bagi Yang Tidak Mampu Berwudhu dan Tayammum

Firman Allah Taala:

"Maka bertakwalah kepada Allah dengan kadar kemampuan kamu". (al-Taghabun : 16)

Firman Allah Taala:

"Allah tidak membebankan seseorang melainkan sekedar kemampuannya"(al-Baqarah : 286)

Firman Allah Taala:

"Allah tidak menghendaki menjadikan ke atas kamu kesusahan". (al-Maidah: 6)

Samb...

- Yang dituntut (wajib) ketika masuk waktu adalah solat
- Hadis Sahih Bukahri -

laitu ketika mana Rasulullah saw keluar ke salah satu peperangan dikatakan peperangan itu adalah peperangan al-Maraisi' lalu baginda berhenti di Zaat al-Jaish selepas al-Baidha' yang berada selepas Miqat Dzi al-Hulaifah dari arah Makkah- Aisyah telah kehilangan rantainya, lalu Baginda meminta sebahagian sahabat mencarinya, dalam keadaan mereka ketiadaan air. Kemudian masuk waktu solat, lalu mereka solat dalam keadaan sedemikian. Kemudian mereka mendatangi Nabi selepas habis waktu solat tersebut, dan baginda tidak mengarahkan mereka mengulanginya dan baginda membenarkan perbuatan mereka dan peristiwa ini berlaku sebelum pensyariatan tayammum.

* Tiada Solat hormat waktu @ ulang @ qadha` solat

Pendalilan dari hadis

- pengakuan Nabi saw terhadap solat mereka tanpa bersuci dan baginda tidak mengarahkan mengulanginya selepas habis waktu, menunjukkan bahawa sesiapa yang tidak mampu berwudhu dan tayammum, tidak diwajibkan ke atasnya mengulangi solat bahkan hanya perlu menunaikan solat pada waktunya.

MENYAPU DI ATAS BALUTAN

Riwayat Ali Ibn Abi Thalib r.a:

Maksud Hadith:

(Salah satu sendiku patah, aku bertanya Nabi mengenai cara berwudhu. Baginda menyuruhku menyapu air pada pembalut patah)(Sunan Ibn Majah)

(Hadis Dhoif)

Samb...

Riwayatkan daripada Jabir r.a:

Maksud Hadith:

Kami telah keluar bermusafir, tiba-tiba salah seorang daripada kami kepalanya terkena batu lalu melukakannya. Kemudian (ketika tidur) ia bermimpi (yang menyebabkannya berhadap besar) dan apabila bangun dia bertanya kepada sahabatnya: adakah kamu dapati keringanan bagiku untuk bertayammum? Mereka menjawab kami tidak mendapat keringanan untuk kamu berbuat demikian kerana kamu mampu menggunakan air. Lalu dia pun mandi kemudian mati. Apabila kami sampai kepada Rasulullah SAW bersabda: "Mereka telah membunuhnya dan semoga Allah membunuh mereka. Kenapa mereka tidak bertanya. Sesungguhnya memadai dengan baginya dengan bertayammum, dan membalut lukanya dengan perca kain, kemudian dia menyapu di atasnya dan membasuh seluruh badannya".(Sunan Abi Daud) (hasan)

Samb...

- *Ibn Hazim Al-andalusi- Tiada dalil al-Quran atau Sunnah yang menggantikan basuhan dengan sapuan ke atas balutan patah atau ubat bagi anggota yang tidak mampu dibasuh. (al-Muhalla, 1/316)*
- *al-Syeikh Muhammad Nasir al-Din al-Albani r.h cenderung kepada pendapat ini (al-Albani, Tamam al-Minnah, 133-135*

Firman Allah swt. :

"Allah tidak membebankan kepada seseorang kecuali apa yang dia terdaya"

Sabda Nabi SAW

"Apabila aku perintah kamu dengan sesuatu perintah, maka datangilah ia dengan kadar kemampuan kamu".